

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 20**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah cadangan pindaan Akta Kerja 1955 yang akan dibentangkan dapat memperluaskan hak dan kebajikan yang lebih baik kepada para pekerja khususnya mereka yang dikategorikan sebagai "*underpaid*".

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa memastikan agar setiap pindaan yang dibuat ke atas undang-undang buruh di negara ini meletakkan kebajikan rakyat sebagai aspek utama yang perlu diberi perhatian. Dalam hal ini, KSM telah mengadakan sesi libat urus (*engagement*) yang menyeluruh dengan pihak berkepentingan termasuklah secara atas talian bagi mendapatkan pelbagai pandangan bernas dalam usaha meminda Akta Kerja 1955 (Akta 265).

2. Pada masa ini, Akta 265 terpakai kepada pekerja bergaji tidak melebihi RM2,000 sebulan dan pekerja '*manual*' tanpa mengira had gaji. Dalam pindaan Akta ini, KSM mencadangkan supaya Akta 265 diperluaskan liputannya kepada semua pekerja dalam sektor swasta. Melalui pindaan Akta ini juga, faedah bersalin kepada pekerja wanita akan ditambah baik dan penalti terhadap hukuman akan ditingkatkan.